

Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973

ABSTRAK

Pada awal kemerdekaan Sabah, hal ehwal dan kepentingan orang-orang Islam menghadapi kekangan untuk dilaksanakan dan dikembangkan. Hal ini kerana komposisi orang Islam yang minoriti dan tampuk politik majoritinya dibarisi oleh orang bukan Islam. Senario ini telah memberikan implikasi yang besar apabila sukar untuk mengangkat suara orang-orang Islam dalam dasar pentadbiran dan pembangunan negeri. Berdasarkan kepada senario tersebut, wujud keperluan yang jelas untuk membuat perubahan. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Islam Sabah antaranya Tun Mustapha. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis peranan yang telah dilakukan oleh Tun Mustapha dalam mengangkat Islam kepada kedudukan yang lebih baik dan kukuh di Sabah. Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Kajian mendapati usaha dakwah dan islamisasi besar-besaran yang dilaksanakan oleh Tun Mustapha telah meningkatkan komposisi orang Islam daripada minoriti kepada majoriti sehingga menjadi faktor kepada pindaan Perlembagaan Negeri Sabah. Direkodkan 75,000 sehingga 100,000 orang telah menganut Islam melalui proses Islamisasi tersebut. Peratus komposisi Islam pada awal pemerintahan Tun Mustapha tahun 1967 iaitu 38.7% telah meningkat kepada 53% ketika pemerintahan beliau berakhir tahun 1976. Peningkatan tersebut telah memberikan peluang kepada pindaan Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah pada 23 September 1973. Dengan pindaan tersebut, hal ehwal dan kepentingan orang-orang Islam dalam segenap aspek sama ada politik dan pentadbiran, ekonomi serta sosial yang sebelum ini menghadapi kekangan untuk dilaksanakan, telah berkembang seperti yang ada pada masa kini.